

16 SEP 1997

Mahathir-MSK

KELEWATAN PROJEK INFRASTRUKTUR TIDAK AKAN MENJEJASKAN MSC

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kelewatan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur tidak akan menjejaskan Koridor Raya Multimedia (MSC) kerana ia pada asasnya dimajukan oleh sektor swasta.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus memajukan infrastruktur yang diperlukan bagi MSC dengan bantuan sektor swasta sementara para pelabur perlu melabur bagi mengadakan keperluan untuk operasi syarikat mereka.

"Kita tidak akan melewatkan projek itu... walaupun sesetengah pihak mahu kita menangguhkan MSC," kata beliau semasa menjawab pertanyaan pada sesi terbuka persidangan multimedia Asia '97 di sini.

Dr Mahathir berkata memandangkan pelaburan kerajaan dalam IT adalah terhad berbanding dengan sektor swasta, negara tidak perlu bimbang akan kemungkinan projek itu terlewat.

Umpamanya kata beliau, kiosk maklumat untuk orang ramai yang berurusan dengan agensi kerajaan sedang dilaksanakan pada masa ini.

Ketika ditanya tentang kemampuan rakyat Malaysia untuk memastikan kejayaan MSC, Dr Mahathir menjawab: "Saya sentiasa peraya bahawa kita mempunyai lebih banyak potensi dan kemampuan daripada yang kita sangka."

"Perubahan kepada IT pada mulanya akan berlahan, tetapi kita akan belajar dengan lebih cepat... itulah sebabnya kita mahu majukan MSC bukan secara sendirian sahaja tetapi bersama-sama dengan pakar dari luar negara," katanya.

Beliau berkata sesetengah rakyat tempatan sudah pun memajukan sistem dan perisian yang kini digunakan di negara ini, dan sistem pengawasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang merupakan contoh yang baik.

"Mereka telah menunjukkan kepada saya yang mereka boleh menyelesaikan apa-apa masalah yang berbangkit di KLIA," katanya.

Ketika ditanya oleh seorang wartawan luar yang ingin tahu sama ada perdana menteri menyimpan rasa permusuhan terhadap orang asing, Dr Mahathir berkata beliau tidak mempunyai apa-apa permusuhan terhadap mereka, semata-mata kerana beliau telah mendakwa mereka bertanggungjawab terhadap krisis mata wang negara ini baru-baru ini.

"Saya tidak bermusuhan dengan orang asing tetapi saya bermusuhan dengan penyangak, walaupun jika mereka dari dalam negara ini," katanya.

Beliau berkata beliau tidak mahu adanya kumpulan yang datang ke negara ini lalu mengambil kekayaan negara dengan cara yang tidak bertanggungjawab.

Mengenai soalan bagaimana kerajaan bercadang untuk menyokong MSC memandangkan ia terpaksa bersaing dengan projek lain, Dr Mahathir berkata konsep Persyarikatan Malaysia yang digunakan oleh negara ini telah dan akan memainkan peranan dalam menjayakan projek itu.

"Dalam MSC kerjasama itu (antara kerajaan dan sektor swasta) adalah lebih besar," katanya.

Dr Mahathir berkata kebijaksanaan bukanlah sesuatu yang dimonopili oleh kerajaan, oleh itu idea memajukan MSC datangnya daripada sektor swasta.

Beliau berkata kerajaan telah memutuskan dasar yang tepat mengenai MSC dan mewujudkan suasana yang sewajarnya bagi projek itu, termasuk dengan mengadakan undang-undang siber dan pengaliran bebas tenaga kerja berpengetahuan dalam sektor MSC.

"Kita juga membenarkan diri kita dijadikan bahan ujian mengenai

bagaimana bentuknya sebuah kerajaan dalam era maklumat," katanya.

Kerajaan ingin mendapatkan cara terbaik untuk menjalankan kerajaan elektronik melalui proses belajar daripada kesilapan, kata beliau.

"Malah saya sendiri pun telah dilantik secara tidak rasmi sebagai ketua jurujual bagi MSC," kata beliau disambut dengan tepukan daripada mereka yang hadir.

Persidangan Multimedia Asia merupakan perhimpunan tahunan bagi pakar IT dan pelabur. Persidangan tahun ini dengan tema "Menggerakkan MSC daripada Wawasan kepada Kenyataan...Tandatarata Penyelesaian Pintar" membincangkan kemajuan dalam pelaksanaan MSC.

MSC merupakan pusat multimedia seluas 750 km persegi merangkungi Kuala Lumpur City Centre, KLIA dan pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan di Putrajaya. -- BERNAMA

HJ NMO